



## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**AHAD / 17 SEPTEMBER 2023**

- 1. KPDN SUDAH TERIMA 142 ADUAN – HARIAN METRO**
- 2. ATASI KEKURANGAN BERAS PUTIH MENJELANG – HARIAN METRO**
- 3. MENGELUH TERPKSA BELI BERAS IMPORT – HARIAN METRO**
- 4. ‘HANYA ADA BERAS IMPORT SAHAJA, MANA BERAS TEMPATAN’? – HARIAN METRO**
- 5. KRISIS BERAS DAH BERLAKU SEJAK 1971 – HARIAN METRO**
- 6. CECAH RM11 SEPINGGAN! – HARIAN METRO**
- 7. ‘NASI PUTIH NAIK 50 SEN SEPINGGAN’ – KOSMO**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)**

**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 17 SEPTEMBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

### **KENAIKAN HARGA BERAS**

## **KPDN sudah terima 142 aduan**

**Kota Kinabalu:** Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali menasihatkan pengguna agar membuat aduan segera berhubung kenaikan harga beras tempatan yang termasuk dalam harga kawalan di pasaran dan isu berkaitan bagi memudahkan pihak penguat kuasa mengambil tindakan.

Beliau berkata, aduan dikemukakan itu perlu disertakan maklumat lengkap dan terperinci bagi memudahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membuat semakan sebelum tindakan lanjut diambil terhadap pihak tidak bertanggungjawab terbabit.

"Kalau setakat tular gambar dan video tetapi tiada maklumat, mungkin dalam tempoh kita (KPDN) mencari maklumat, pihak yang melakukan kesalahan akan berindak menyembunyikan kesalahan).

"Saya harapkan kita da-

pat kerjasama daripada masyarakat. Lebih banyak aduan, lebih kita sukakan kerana inilah fungsi dan tanggungjawab KPDN," katanya selepas merasmikan Jelajah Mini Karnival Barangan Malaysia 2023 Zon Sabah di sini, kelmarin.

Armizan berkata, KPDN sudah menerima 142 aduan kenaikan harga beras di seluruh negara menerusi Op Jamin yang dilancarkan pada Julai lalu.

Di Sabah, Armizan berkata, sebanyak 295 pemeriksaan dilakukan sejak Julai ke atas premis perniagaan sebagai usaha memastikan tidak ada pihak mengambil kesempatan menaikkan harga beras hingga membebankan pengguna.

Beliau berkata, kementerian juga sudah menubuhkan Unit Risikan Perniagaan berkuat kuasa 1 September lalu yang antara lain untuk bertindak terhadap aduan berkaitan, selain melakukan risikan awal bagi mengekang isu kartel dalam rantaian bekalan.

**Periksa bekalan beras!**



**PENGERUSI** Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan (tiga dari kanan) memeriksa bekalan beras di gudang penyimpanan Jasmine Food (Seremban) Sdn Bhd, Rantau, kelmarin.

**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 17 SEPTEMBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

## *Atasi kekurangan beras putih menjelang hujung tahun*

**Kuala Lumpur:** Isu kekurangan beras putih tempatan dijangka dapat diatasi sepenuhnya menjelang penghujung tahun ini menerusi beberapa langkah segera yang diambil Bahagian Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Ketua Pengarahnya, Datuk Azman Mahmood berkata, satu pertemuan bersama pengusaha restoran, penjaja kecil dan pihak berkaitan diadakan di Putrajaya kelmarin membin-

cangkan inisiatif segera memastikan bekalan beras tidak terjejas di pasaran.

Katanya, antara langkah diambil termasuklah menambah bekalan di hypermarket selain peniaga diberikan diskaun untuk membeli beras import bagi tujuan perniagaan.

“Dari segi langkah intervensi, kita juga menetapkan bekalan di 41 outlet Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) serta 1,400 outlet Lembaga Pertubuhan Peladang di seluruh negara.

“Selain itu, buat kali pertama, kita memberi 103 lesen kepada pemborong kecil untuk mereka pek beras dan hantar ke seluruh Semenanjung.

“Perlu difahami, tidak ada isu bekalan dan kita sedang berusaha mengatasi masalah ini demi kepentingan semua,” katanya.

Azman berkata, pihaknya berharap dengan langkah intervensi menerusi kerjasama antara agensi, orang ramai boleh mendapatkan bekalan beras tempatan di outlet yang ada.



**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 17 SEPTEMBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

**Kuala Lumpur:** Kebanyakan peniaga mengeluh berikutan terpaksa membeli beras import yang mahal untuk meneruskan perniagaan menjual makanan susulan ketiadaan stok beras tempatan di pasaran.

Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, bukan sahaja pengguna, tetapi ramai peniaga kecil serta penjaja terjejas dengan keadaan itu.

Katanya, mereka mengeluh kerana sebelum ini kerajaan meminta rakyat membeli beras tempatan jika harga beras import mahal, tetapi yang menjadi persoalan ialah bagaima-

## *Mengeluh terpaksa beli beras import*

mana hendak membeli beras tempatan kalau ia tiada di pasaran.

"Keadaan ini menyebabkan peniaga dan pengguna terkesan. Dulu peniaga boleh jual nasi lemak...ada nasi, telur, sambal, kacang dengan harga RM2, tetapi sekarang sudah tak boleh. Mereka (peniaga) kena jual RM2.50 untuk dapatkan keuntungan, itu pun sikit.

"Melihat kepada keadaan ini, harga barang makanan yang tidak menentu sangat menghimpit peniaga dan

penjaja sebab mereka tidak boleh jual ikut harga semasa barangan. Hari ini, harga barang mentah naik, harga jualan naik, esok harga barang turun, jualan pun turun. Tidak," katanya, semalam.

Rosli berkata, dahulu ada golongan tidak membeli makanan di restoran kerana harga yang mahal dan memilih untuk membeli di gerai sebab harga lebih kompetitif berbanding di restoran, namun kini ia sudah berubah.

**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 17 SEPTEMBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

## ***'Hanya ada beras import sahaja, mana beras tempatan?'***

**Kuala Lumpur:** "Kami hanya menjual apa dihantar oleh pengedar. Memang sudah lama, saya rasa tiga bulan tak menerima stok beras tempatan, sebaliknya beras import yang datang dan itulah yang kami jual," kata peniaga hanya mahu dikenali sebagai Irfan, 40-an, di Jalan Raja Alang, di sini.

Beliau berkata, sebagai peniaga pihaknya tidak mengetahui apa sebenarnya berlaku di sebalik kecekohan ketiadaan bekalan beras tempatan pada masa ini.

Irfan berkata, pihaknya memang ada membuat pesanan bekalan beras tempatan namun lori pengedar yang menghantar beras hanya membuat penghantaran beras import beberapa bulan kebelakangan ini.

Harian Metro turut membuat tinjauan di Pasar Chow Kit yang menjadi lokasi tumpuan warga kota membeli barang dapur termasuk barangan basah dan kering.

Tinjauan mendapati satu daripada kedai yang menjual beras memang ada menjual beras pelbagai je-

nama namun semuanya di-kampit dengan cop biru bulat tertera Beras Putih Super (Import).

Ketika ditanya pekedai dikenali Lingam, 50, katanya sejak kebelakangan ini memang semua beras kampakit yang masuk ke kedainya adalah beras import.

"Bekalan beras memang sentiasa ada...cuma masalah bekalan beras tempatan, semua yang masuk beras import."

"Pengilang hantar apa sahaja kami jual. Kadang-kadang ada (beras



**Bekalan beras memang sentiasa ada...cuma masalah bekalan beras tempatan, semua yang masuk beras import"**

**Lingam**

tempatan), pengilang kata tak ada stok. Kami tiada pilihan memang kena jual juga apa sahaja stok yang sampai," katanya.

Tinjauan di sebuah pasar

mini di Lorong Raja Bot turut mendapati ketiadaan stok beras tempatan tiada di rak kedai itu sebaliknya dipenuhi kampakit beras import.

Seorang pengguna yang tidak mahu dikenali berkata, kerajaan perlu menanganis isu ketiadaan beras tempatan itu dengan segera sebab ia agak menghairankan.

"Persoalannya ke mana pergi beras kita (beras tempatan). Mengapa tiba-tiba hanya ada kampakit beras import sahaja di pasaran. Kerajaan wajib tangani

segera isu ini sebab beras makanan ruji kita. Selain itu saya juga pelik sebab minyak masak kampakit, adakalanya telur malah stok gula juga cepat habis. Tadi kira-kira jam 11 pagi dah habis stok telur gred A," katanya.

Berdasarkan tinjauan wartawan Harian Metro di ibu negara hari ini mendapati terdapat harga berlainan tertera di kampakit beras import untuk beberapa jenama walaupun kandungan berat sama seperti RM53, RM40 dan RM36 bagi kampakit 10 kilogram (kg).



**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 17 SEPTEMBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

**I**su bekalan dan harga beras kembali menjadi topik perbincangan ramai sejak minggu lalu menguadang lebihmbangun pengguna tempatan kan sara hidup. Ia merind langkah Padibonan Nasional Ihd (Bertuas) yang menyelaraskan harga jualan beras putih (import kepada RM3.200 satu tan metrik berkuat kuasa mulai 1 September.

Pebagai dalwaan dilemparkan termasuk wujudnya pertukaran kampil beras tempatan kepada import untuk mengaut untung mudah.

Pemotong Pengarah Berita, **YUSMIZAL DOLAH ALING** mendapatkan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) **DATUK AZMAN MAHMOOD** bagi mengulas isu itu untuk kafe Abadi minggu ini.

**Kenaikan harga beras putih import serta kesukaran untuk mendapatkan bekalan beras Super Special Tempatan (SST) menjadi isu terbaru. Apa yang pengguna perlu laham?**

Kenaikan harga beras import berlaku disebabkan harga beras dunia sudah pun naik. Beras dipertanggungjawabkan untuk import beras dan harga pasaran sekarang ini di peringkat dunia adalah AS\$650 dan diangka naik sehingga AS\$700. Susulan daripada itu, permintaan beras tempatan dijangka mendapat permintaan yang banyak daripada orang ramai tapi tinjauan awal kita mendapati ramai yang membeli dalam jumlah pukal yang banyak antara 500 hingga 700 kampil terutama di peringkat petani. Sebab itu saya buat kawalan pembelian 10 kampil 10 kilogram (kg) di mana setiap kali pembelian tidak boleh melebihi 100 kg. Ini yang kita buat kawalan di bawah Peraturan 10 (1b) di bawah Akta Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522).

Permintaan beras tempatan ataupun SSTs mendapat sambutan sejak kenaikan harga dunia. Sebelum ini kita dapati permintaan biasa-biasa saja dan ramai rakyat kita tidak berminat dengan beras tempatan kerana beras tempatan bukan saja yang paling murah di Asia Tenggara. RM2.60 per kg ataupun RM26 untuk 10kg, boleh dikatakan yang termurah di dunia.

**Ada orang beranggapan, waktu naik harga baru penguatkuasa Bahagian Kawalselia muncul, sebagai Ketua Pengarah, apa jawapan Datuk?**

Krisis beras ini sudah pun berlaku 1971, maka diwujudkan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), satu badan yang lebih fokus untuk

menjaga padi dan beras negara pada ketika itu. Namun ianya sudah ditubuhkan dan Beras mengambil alih pada 1996. Walau bagaimanapun, Beras hanya bertanggungjawab untuk mengimport beras putih. Dari segi dasar, penguatkuasaan, polisi masih lagi di bawah Kawalselia Padi dan Beras (KPB) yang kini di bawah KPKM.

Pada masa ini saya memikul tanggungjawab sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Industri Padi dan pada masa sama sebagai Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras mengikut dalam Akta 522 yang dilantik oleh menteri.

Kita sudah pun melancarkan Op Jamrin. Ia adalah kerjasama antara KPKM dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk menjamin bekalan beras terutama beras tempatan di seluruh negara.

Kenapa kerjasama ini berlaku, kerana KPDN mempunyai anggota sampt di peringkat daerah yang

## HARGA PASARAN SEKARANG DI PERINGKAT DUNIA ASS650

# KRISIS BERAS DAH BERLAKU SEJAK 1971



PERMINTAAN beras tempatan ataupun SST mendapat sambutan sejak kenaikan beras dunia.

boleh membantu kami untuk mendapatkan maklumat mengenai bekalan beras di seluruh negara. Dengan itu, penguatkuasaan ini, kita dapat data yang lebih tepat. Setakat ini terdapat 1,100 pemeriksaan Op Jamrin kita jalankan di seluruh negara dan kita dapati satu kes di Selangor yang menaikkan harga beras tempatan daripada RM2.60 kepada satu

harga yang lebih dan kita sudah dalawa peruncit berkenaan. Namun untuk pertukaran kampil kita perlu dapat aduan

rasmi daripada individu atau pun orang lain.

**Bagaimana dengan bekalan beras putih tempatan ketika ini? Adakah tindakan peniaga membeli dalam jumlah yang banyak menyebabkan masalah kekurangan bekalan?**

Bekalan beras putih tempatan amat terhad ketika ini namun kawalan kita hadkan kepada 10 kampil atau 100kg untuk kita kawal supaya kita boleh agihkan dan dapat dirasai seluruh rakyat kita. Perkara ini adalah bersifat sementara, apabila kita buat langkah intervensi iaitu kita perbanyakan lagi beras tempatan dengan penambahan 20 peratus lagi, kita jangka dapat selesaikan dalam tempoh sebulan.

**Apakah berlaku manipulasi harga kawalan yang ditetapkan kerajaan dengan memukar**

**kampil beras tempatan kepada kampil beras import dan adakah kenaikan harga berlaku secara tergosa-gesa?**

Setakat ini kita belum menerima aduan secara rasmi mengenai pertukaran beras kampil tempatan kepada beras kampil import jika mana-mana pihak atau individu ada maklumat, boleh buat aduan kepada Kawai selia Padi dan Beras di seluruh negara supaya kita boleh ambil tindakan undang-undang kepada mereka yang terbukti. Kita akan batalakan lesen serta-merta.

Kenaikan harga beras hanya di peringkat beras import dan Beras sudah mengemukakan kenaikan harga beras ini pada bulan Jun, tetapi perkara ini berlaku pada 1 September 2023. Ini tidak boleh ditahan lagi kerana isu global. Beras dunia yang meningkat naik, jika Beras tidak dapat menaikkan harga beras di peringkat pemborong, Beras tidak boleh lagi bertahan dalam perniagaan mereka. Itu yang saya dimaklumkan.

**Isu beras seolah-olah dipolitikkan, apa yang sepatutnya dibuat pengiat industri dan netizen?**

Saya berharap isu beras dan padi ini tidak perlu kita politikkan kerana ini adalah isu negara. Ia membabitkan ketertarikan makanan yang menjadi tanggungjawab bersama. Semua pihak perlu memainkan peranan dan saya berharap semua pihak dapat bertungkus karena kekurangan beras tempatan ini dapat kita atasi dalam tempoh sebulan dan ia di peringkat pelaksanaan. Jika ada yang mempunyai masalah kekurangan masalah kekurangan bekalan beras tempatan, boleh maklumkan kepada KPKM melalui KPB dan kita akan cuba mengatas semua masalah ini dalam masa terdekat.

Kita pun sudah mengatasi masalah ini seperti mana ketika pandemik Covid-19, isu bekalan beras tidak menjadi isu nasional kerana tidak dipolitikkan pada ketika itu. Namun kini saya melihat rata-rata ramai yang memberikan pandangan, mengkritik keadaan beras tempatan tapi tidak membuat aduan rasmi kepada kita. Perkara ini perlu dibelakangkan supaya ia dapat meredakan keadaan dan tidak menimbulkan suasana panik di seluruh negara.

Kita tidak ada pilihan melainkan menghasilkan sendiri beras. Sebab itu kita laksanakan Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di Selat untuk kita perkuatkan di seluruh negara. Sekarang secara purata kita hasilkan 37 metrik tan per hektar. Sekiranya kita dapat ringkaskan enas metrik tan per hektar, Malaysia boleh menjadi SS2 kepada 100 peratus, mungkin kita jadi negara pengekspor bila tiba waktunya nanti.

**"Bekalan beras putih tempatan amat terhad ketika ini namun kawalan kita hadkan kepada 10 kampil atau 100kg untuk kita kawal supaya kita boleh agihkan dan dapat dirasai seluruh rakyat kita"**



AZMAN

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Oleh Redzuan Muharam  
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

HARGA BERAS NAIK

# CECAH RM11 SEPINGGAN!

Peniaga kedai makan terpaksa naikkan harga jualan elak tanggung rugi

"Serba salah jadinya, kalau boleh tak nak letak harga mahal atau naikkan harga tapi terpaksa kerana barang keperluan pun sudah naik (harga) sekarang," kata peniaga nasi campur dikenali Suriati.

Suriati, 48, yang sudah 20 tahun menjadi peniaga makanan mengakui kenaikan harga barangan keperluan termasuk beras membuatnya tersepit.

Ia kerana dia perlu menaikkan harga barangan jualan iaitu nasi dan lauk sekalipun tahu tindakannya itu akan memberi kesan kepada pelanggan.

"Selepas raya haji (Aidil-adha), harga beras naik jadi saya pun terpaksa naikkan

harga nasi putih, jika dulu RM1.50, tetapi sekarang RM2.

"Selain harga nasi putih, harga lauk juga naik yang mana nasi putih dengan lauk ayam dijual antara RM7 hingga RM8 manakala nasi putih bersama ayam, kuah dan sayur pada harga RM9.

"Nasi dengan lauk ikan mahal sedikit iaitu RM10 sepinggan dan RM11 jika bersama sayur," katanya ketika tinjauan Harian Metro di medan selera dekat Pantai Dalam, di sini, semalam.

Menurut Suriati, dia

tiada pilihan melainkan perlu memikirkan keuntungan kerana ada komitmen bulanan perlu dibayar.

"Jika jual murah akan makan diri dan ibarat kita sedekah saja makanan kepada pelanggan.

"Jadi terpaksa naikkan (harga) kerana saya ada tiga anak dan utiliti perlu dibayar.

"Setakat ini, pelanggan faham kerana tak ada yang merungut cuma boleh nampak kurang orang datang ke kedai. Mungkin mereka nak berjimat dan masak sendiri di rumah," katanya.

Sementara itu, pembantu kedai nasi ayam penyyet, Ida Suraya Sukei, 40 berkata, harga makanan masih sama kecuali nasi putih yang dijual dengan harga RM2 berbanding RM1.50 tahun lalu.

Bagaimanapun, Ida berkata, pelanggan yang datang ke kedai tidak ramai dan dia mengharapkan un-

tung daripada pesanan dibuat pelanggan memerusi aplikasi dalam talian.

"Buat masa ini, taske (pemilik kedai) kekalkan harga sama jadi saya ikut saja jual nasi bersama ayam dan ikan keti pada harga RM8 manakala RM10 bagi talapia serta buwal.

"Akan datang tak tahu macam mana tapi pelanggan tak kata apa, mungkin mereka faham memandangkan burung keperluan pun sudah naik sekarang.

"Jadi, bukan hanya pelanggan malah peniaga pun turut sama terlesan," katanya.

"Jika jual murah akan makan diri dan ibarat kita sedekah saja makanan kepada pelanggan"  
Suriati



SURIATI mengakui kenaikan harga barangan keperluan termasuk beras membuatnya sebagai peniaga kedai makan rasa tersepit.



**KERATAN AKHBAR : KOSMO**  
**TARIKH : 17 SEPTEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

Susulan isu harga beras tempatan yang didakwa semakin meningkat

## 'Nasi putih naik 50 sen sepinggan'

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELAKA - Harga nasi putih dan menu berasaskan nasi di restoran dijangka mengalami kenaikan sebanyak 50 sen susulan harga beras tempatan yang didakwa semakin mahal akibat permintaan tinggi ketika ini.

Pengusaha restoran popular Asam Pedas 35, Norhayati Baharom, 48, berkata, harga beras tempatan di pasaran kini meningkat mendadak sehingga mencecah perbezaan harga sekitar RM8 bagi pek 10 kilogram (kg).

"Restoran saya yang menggunakan kira-kira 50 kilogram beras Cap Rambutan Super Special Tempatan (SST) bagi perniagaan pada hari kemuncak di hujung minggu dan terpaksa menanggung kerugian jika mengekalkan harga nasi putih.

"Jika situasi ini berlarutan, memang terpaksa naikkan harga nasi mungkin 50 sen sepinggan, dari RM2 kepada RM2.50.

"Setakat ini, kita masih menunggu apa-apa pengumuman berkaitan bekalan beras ini sebelum menaikkan harga sebab kami juga kasihan kepada pelanggan yang datang beramai-ramai ber-



PENGUSAHA restoran asam pedas di Melaka kini tidak menolak kemungkinan menaikkan harga nasi putih sebanyak 50 sen bagi menampung kos perniagaan berikutan kenaikan harga beras tempatan. - GAMBAR HIASAN

sama keluarga apatah lagi golongan B40," katanya kepada *Kosmo!* Ahad semalam.

Jelasnya, sebelum ini harga beras dibelinya adalah sekitar RM32, namun kini mencecah RM40 bagi kampak 10 kg.

"Peruncit beritahu kini stok beras tempatan tidak mencukupi, mungkin ada pihak pem-

bejal yang ambil kesempatan menyorokkan bekalan dan ingin habiskan beras import mereka kerana harganya telah naik.

"Saya ada dengar kerajaan negeri akan menambah bekalan beras tempatan sebanyak 500 tan kepada peniaga bermula semalam sehingga hujung bulan ini, harap ia dapat menstabilkan se-

mula harga pasaran," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Pakman Food Sdn. Bhd. Erni Yuslinah Abdull Rahman, 48, berkata, restorannya terpaksa memukar kualiti beras bermula minggu depan susulan kenaikan harga beras yang kini mencecah RM50 bagi 10 kg.

"Kami pakai beras wangi,

harga sebelum ini RM41 telah naik hingga RM50 bagi 10 kg. Kini bekalan yang ada cukup untuk kegunaan minggu ini sahaja.

"Jadi, bermula minggu depan, kami akan cuba cari jenama beras tempatan lain, setanding dengan beras digunakan sekarang.

"Pilihan seterusnya, terpaksa naikkan harga mungkin sekitar 50 sen juga, dari RM2.50 sepinggan kepada RM3 bagi sepinggan nasi. Harga lauk ikan asam pedas dan menu lain bagaimanapun masih kekal sama," katanya.

Dalam pada itu, pemilik Restoran Asam Pedas Sejera Kampung, Saharudin Mohd. Nor, 56, memberitahu, pihaknya akan menaikkan harga sepinggan nasi sekiranya harga beras import yang digunakan mencecah harga dua kali ganda.

"Kalau cecah sampai RM60, kami mungkin naikkan juga harga tetapi setakat ini kos masih boleh ditampung," katanya.

Timbalan Presiden Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia Azlin Othman mendedahkan pihaknya menerima kira-kira lapan aduan setiap hari berkaitan bekalan isu beras tempatan yang didakwa tidak mencukupi sejak bulan lalu.